



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP PERAKAUNAN
KOD KURSUS : DSM1033
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (10 Markah)
 - BAHAGIAN B (40 Markah)
 - BAHAGIAN C (50 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Kertas Jawapan Objektif.
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap soalan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA soalan pada Kertas Jawapan Objektif.


1. Maklumat berikut menunjukkan ciri sebuah organisasi perniagaan.

- Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016
- Pemilikan saham terbuka kepada orang awam
- Liabiliti terhad

Pernyataan 1

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

- A Perkongsian.
 - B Milikan tunggal.
 - C Syarikat Awam Berhad.
 - D Syarikat Sendirian Berhad.
2. Perakaunan merupakan proses
- A merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza.
 - B menyediakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan perniagaan.
 - C merekod urus niaga secara tepat dan teratur mengikut sistem catatan bergu.
 - D merekod, mentafsir, menganalisis dan melapor urus niaga perniagaan untuk merancang dan mengawal kewangan.
3. Rajah 1 adalah sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Rajah 1

Apakah X?

- A Transaksi.
- B Pelarasan.
- C Dokumen sumber.
- D Penyediaan penyata kewangan.

4. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Puan Lina.

Puan Lina memulakan perniagaan menjual alat tulis pada 1 Jun 2019. Tempoh perakaunan perniagaannya berakhir setiap 12 bulan.

Pernyataan 1

Antara berikut, yang manakah tempoh perakaunan perniagaan Puan Lina?

- A 1 Jun 2019 hingga 1 Jun 2020
 - B 1 Jun 2019 hingga 1 Mei 2020
 - C 1 Jun 2019 hingga 31 Mei 2020
 - D 1 Jun 2019 hingga 31 Disember 2019
5. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan kepunyaan Puan Hamidah.

Puan Hamidah merekodkan kos belian barang niaga mengikut nilai pada masa ianya dibeli.

Pernyataan 3

Apakah konsep perakaunan yang terlibat?

- A Kos.
 - B Materialiti.
 - C Ketekalan.
 - D Tempoh perakaunan.
6. Manakah merupakan liabiliti semasa perniagaan?
- A Pemiutang.
 - B Gadai janji.
 - C Sewa terakru.
 - D Pinjaman bank.
7. Butiran manakah yang merupakan hasil kendalian perniagaan?
- A Belian.
 - B Jualan.
 - C Faedah atas pinjaman.
 - D Faedah atas simpanan.

8. Berikut merupakan akaun lejar dalam buku perniagaan Kedai Buku Faizal.

Jualan					
Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	RM
Jan 1	Pulangan jualan	300	Jan 2	Jualan	1500
			Jan 13	Jualan	600
Jan-30	Baki h/b	<u>Y</u>			
		<u>X</u>			<u>X</u>
			Feb 1	Baki b/b	

Berapakah baki akhir akaun tunai di atas?

- A** RM300
B RM1,800
C RM2,100
D RM2,400
9. Di bahagian manakah gaji terdahulu direkodkan dalam penyata kewangan?
A Hasil.
B Belanja.
C Aset semasa.
D Liabiliti semasa.
10. Butiran yang manakah wujud dalam penyata bank tetapi tiada dalam buku tunai?
A Ansuran tetap.
B Cek belum didebitkan.
C Cek belum dikreditkan.
D Caj perkhidmatan bank.

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

- a. Huraikan **dua (2)** pengguna luaran maklumat perakaunan. (4 markah)
- b. Berikan **tiga (3)** perbezaan syarikat sendirian berhad dengan syarikat awam berhad. (6 markah)
- c. Huraikan **tiga (3)** konsep perakaunan selain wang sebagai ukuran. (6 markah)

SOALAN 2

Berikut merupakan senarai akaun daripada perniagaan Simsim Enterprise.

Butiran	(RM)
Belian	12,000
Jualan	47,000
Bank	52,000
Tunai	2,000
Diskaun diberi	300
Diskaun diterima	600
Penghutang	2,900
Pemiutang	3,800
Sewa diterima	1,030
Dividen diterima	2,500
Lengkapan dan lengkapan	40,000
Alatan pejabat	1,900
Pinjaman Bank	60,000
Gaji pekerja	3,830

- a. Klasifikasikan butiran di atas kepada aset, belanja, liabiliti, ekuiti pemilik, dan hasil beserta nilainya dengan menggunakan format dibawah.

Aset	Belanja	Liabiliti	Ekuiti pemilik	Hasil
			Contoh : Modal RM50,000	

(14 markah)

SOALAN 3

Tarikh	Transaksi
Jun 2019	
(Contoh)	Pemilik memulakan perniagaan dengan tunai di bank berjumlah RM250,000 dan kenderaan bernilai RM78,000.
2	Jualan tunai bernilai RM4,800
6	Membeli barang niaga secara kredit berjumlah RM12,800 dari Medini Textiles
10	Pemilik menambah pelaburan RM50,000 ke dalam perniagaan dan menandatangani wang tersebut ke dalam akaun bank perniagaan
12	Menjual barang niaga kepada Laura Style secara kredit berjumlah RM15,600
14	Laura Style memulangkan barang niaga yang rosak bernilai RM550.
15	Menerima komisyen berjumlah RM2,500 secara tunai
20	Pemilik mengambil tunai berjumlah RM1,500 untuk kegunaan peribadi.
25	Laura Style melangsaikan hutang dengan cek dan diberi diskaun RM250
28	Membayar gaji pekerja dengan tunai dan cek berjumlah RM2,500 dan RM10,800

Dikehendaki:

Kenal pasti kesan (bertambah/berkurang) urus niaga di atas terhadap aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil dan belanja dan nyatakan catatan jurnal (debit/kredit) bagi setiap urus niaga mengikut format dibawah.

Tarikh	Kesan		Jurnal		Jumlah
	Bertambah	Berkurang	Debit	Kredit	
<i>(contoh)</i>	<i>Aset</i>		<i>Bank</i>		<i>250,000</i>
	<i>Aset</i>		<i>Kenderaan</i>		<i>78,000</i>
	<i>Ekuiti</i>			<i>Modal</i>	<i>328,000</i>

(10 Markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Mami Monsta Enterprise adalah perniagaan makanan ringan terkenal di Bandar Tenggara. Perniagaan ini telah beroperasi selama 2 tahun dan bercadang untuk mengembangkan perniagaan di luar Bandar Tenggara dalam tempoh 10 tahun akan datang. Berikut merupakan maklumat perakaunan untuk Mami Monsta Enterprise pada 30 Jun 2020.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jualan		108,000
Belian	39,780	
Pulangan jualan	450	
Pulangan Belian		710
Peruntukkan susutnilai- Mesin		5,000
Inventori awal	2,480	
Belanja am	1,700	
Gaji	15,840	
Komisyen diterima		2,810
Hasil dividen		1,230
Sewa	3,000	
Faedah pinjaman bank	200	
Peruntukkan susutnilai- kenderaan		14,000
Akaun Belum terima	38,800	
Akaun belum bayar		9,800
Pinjaman jangka panjang		100,000
Bank	54,000	
Tunai	3,000	
Mesin	111,000	
Modal		212,700
Utiliti	14,000	
Bangunan	100,000	
Kenderaan	70,000	
	454,250	454,250

Maklumat tambahan:

- i) Inventori akhir adalah RM29,800.
- ii) Pemilik mengambil RM4,000 untuk kegunaan rawatan anak melalui cek. Tiada rekod dilakukan pada ketika ini.
- iii) Utiliti telah dibayar pada bulan Julai 2020 dan Ogos 2020 sebanyak RM1000 setiap bulan.
- iv) Gaji untuk bulan Jun 2020 masih belum dibayar.
- v) Susut nilai adalah seperti berikut:
 - a. Mesin : 5% atas kos
 - b. Kenderaan : 10% atas kos
- vi) Akaun belum terima Suka Suka Sdn Bhd gagal melangsaikan hutangnya sebanyak RM1,200 setelah diisytiharkan mufliis.

Sediakan:

- a) Catatan pelarasan. (8 markah)
- b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. (11 markah)
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020. (11 markah)

SOALAN 2

Berikut merupakan ringkasan sebahagian buku tunai (baki bank) dan penyata bank bagi FirstClass Sdn Bhd untuk bulan Disember 2019.

FirstClass Sdn Bhd
Penyata Bank bagi bulan berakhir Disember 2019

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2019			RM	RM	RM
Disember 1	Baki b/b				28,970
4	Deposit Cek	002671		10,800	39,770
7	Cek	555115	12,100		27,670
7	Faedah			800	28,470
11	Cek	555116	10,990		17,480
12	Deposit Cek	226770		15,550	33,030
17	Cek	555117	5,800		27,230
19	Pindahan Debit	335642	700		26,530
20	Deposit Cek	226785		18,900	45,430
21	Cek	555118	690		44,740
23	Cek	555119	6,800		37,940
25	Deposit Cek	338890		10,990	48,930
25	Arahan Tetap		6,100		42,830
25	Caj perkhidmatan		150		42,680
27	Pindahan kredit			5,500	48,180
28	Cek	555121	10,000		39,180
30	Cek	555122	13,900		24,280
31	Deposit Cek		6,000		18,280

Buku Tunai (ruangan bank)

2019				RM	2019				RM
Dis	1	Baki b/b		28,970	Dis	7	3AAA Resources	555115	12,100
	4	Syahadah	002671	10,800		11	Belian	555116	10,990
	12	Jualan	226770	15,500		17	Bil & Utiliti	555117	5,800
	17	Jualan	226785	18,900		20	Komisyen	555118	690
	18	Sewa	555119	6,800		20	Belian	555120	8,700
	25	Merpati Sejoli Ent	338890	10,990		21	Great 1 Trading	555121	10,000
	30	Jualan		16,250		30	Gaji	555122	13,900
	31	Berkat Trading		8,000		30	3AAA Resources	555123	7,700
						31	Belian	555124	8,500
						31	Baki h/b		37,830
				<u>116,210</u>					<u>116,210</u>

Maklumat tambahan:

1. Cek yang diterima dari Mariah (226770) berjumlah RM15,550 telah tersalah rekod dalam buku tunai sebagai RM15,500.
2. Kerani akaun telah tersalah rekod pembayaran cek (555119) sebagai penerimaan cek.
3. Pihak bank telah tersalah debitkan cek milik syarikat lain ke akaun FirstClass Sdn Bhd bernilai RM6,000.

Dikehendaki:

- a. Sediakan buku tunai terlaras bagi bulan September 2019.

(10 markah)

- b. Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2019.

(10 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT